180

Ahli2 perniagaan Eropah sifatkan Malaysia negara yg baik utk melabur

LAWATAN MAHATHIR BERHASIL

OLEH ALOYAH ALI

U.M. - 2 JUN 1978

KUALA LUMPUR 1 Jun — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir yang pulang daripada lawatan menggalakkan pelaburan selama 18 hari di Eropah malam ini mensifatkan lawatannya sebagai memuaskan.

Dalam satu sidang akhbar sebaik sahaja tiba di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu ahli-ahli perniagaan Eropah mensifatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang baik untuk melabur dan yakin tentang kestabilan politik negara ini.

Hasil daripada seminar-seminar dan perbincangan-perbincangan individu yang telah diadakan, lebih 35 buah syarikat asing telah menyatakan hasrat mereka ingin melabur di negeri ini.

Kebanyakan daripada mereka, menurut beliau, menunjukkan minat di bidang-bidang berasaskan bahan-bahan mentah seperti getah, kayu dan minyak kelapa sawit.

Beliau bagaimanapun memberitahu, bahawa hasil lawatan ini tidaklah dapat disaksikan dengan sekelip mata tetapi dalam jangka panjang apabila syarikat-syarikat ini berkembang di sini.

Buat masa ini 3 buah kumpulan telah menyatakan akan membuat lawatan mengkaji mengenai faedah melabur di Malaysia.

Kumpulan-kumpulan tersebut yang akan melawat seawal-awalnya bulan September depan ialah Federasi Perkayuan Jerman, Federasi Perkayuan Sweden dan Biro Pelancungan Denmark.

Menyentuh mengenai pelaburan $500 juta, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa angka tersebut adalah anggaran sendiri dan mungkin berubah.

Anggaran pelaburan yang dijangka mengalir dalam masa dua atau 3 tahun lagi ini termasuklah $300 juta untuk kilang melebur aluminium.

Hasrat syarikat-syarikat asing untuk melabur di Malaysia telah diperolehi melalui 4 buah seminar yang diadakan di Birmingham, Frankfurt, Paris dan Copenhagen.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah menyatakan kehadiran lebih kurang 358 peserta dalam seminar-seminar tersebut adalah lebih daripada yang dijangkakan.

Menurut beliau peserta-peserta syarikat-syarikat yang telah melabur di Malaysia telah memberikan gambaran yang menggalakkan mengenai iklim pelaburan di Malaysia.

Sejumlah 77 perbincangan individu telah diadakan di 4 buah bandar tersebut oleh pelabur-pelabur yang ingin maklumat untuk projek-projek di Malaysia.

"Sepanjang lawatan saya ke 4 buah negara soal Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) sahaja yang dibangkitkan iaitu di Copenhagen," katanya.

"Bagaimanapun saya diberitahu bahawa mereka berpuas hati dengan jawapan yang saya berikan," tambahnya.

Menyentuh mengenai liputan oleh akhbar-akhbar asing, katanya kebanyakan dari mereka telah memberikan liputan yang menggalakkan.

Menurut beliau akhbar London Times telah mengeluarkan supplement khas mengenai pelaburan di Malaysia, dan tulisan-tulisan yang memberikan gambaran mengenai potensi yang cerah dalam pelaburan di Malaysia oleh akhbar-akhbar Paris, Jerman dan Copenhagen.

Sementara itu, dalam satu sidang akhbar berasingan, Datin Sri Dr. Siti Hasmah berkata semasa lawatan itu, beliau puas hati melihat perkhidmatan di pusat-pusat pemulihan otak dan kesihatan ibu-ibu dan melihat bagaimana sebuah negara mengatasi masalah ini.

Datin Sri Dr. Siti Hasmah menarik perhatian utama terhadap usaha gigih dijalankan di negara-negara Eropah mengenai langkah pencegahan semasa ibu mengandung bagi mengelakkan kecacatan bayi.

Beliau mensifatkan sebuah klinik Jerman telah begitu maju dalam teknologi perubatan hingga boleh mengesan dan meneliti keadaan dan perkembangan bayi sejak awal-awal lagi iaitu mulai 15 minggu dalam kandungan.